

20 MARCH 1998

MESDAQ AKAN DIBUKA PADA JULAI, KATA MUNIR MAJID

Oleh:Yong Soo Heong

HANNOVER, 20 Mac (Bernama) -- Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ) akan beroperasi pada bulan Julai depan, kata pengerusi eksekutif Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Dr Munir Abdul Majid.

Katanya pihak berkuasa bersungguh-sungguh supaya bursa itu dibuka pada masa itu kerana tarikh pembukaan asalnya ialah bulan lalu.

Beliau mengaitkan kegendalaan itu kepada beberapa sebab, termasuk krisis matawang dan pasaran saham.

Dr Munir mengulas demikian pada sesi bengkel mengenai "Peluang-peluang di Pasaran-pasaran Kewangan dan Modal Malaysia" pada Forum Perniagaan Malaysia-Jerman di Dewan Perdagangan dan Perindustrian Hannover di sini semalam. Sesi itu dihadiri oleh pengurus-pengurus dana dan tokoh-tokoh bank asing.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum itu telah menyampaikan ucap utama pada forum itu.

Turut hadir pada sesi itu ialah Khairil Anuar Abdullah, pengerusi eksekutif MESDAQ Bhd, yang bercakap mengenai daya tarikan MESDAQ bagi syarikat-syarikat kecil dan sederhana dengan potensi pertumbuhan tinggi.

Dr Munir juga berkata pihak berkuasa seliaan sedang bekerja keras untuk mendapatkan semula keyakinan selepas Bursa Saham Kuala Lumpur terjejas oleh kegawatan ekonomi Asia Tenggara.

Beliau mendedahkan bahawa permodalan pasaran BSKL telah jatuh sebanyak 70 peratus dari segi nilai daripada akhir 1996 sebanyak AS\$309 bilion kepada cuma AS\$97 bilion pada akhir 1997.

Katanya tanda aras Indeks Komposit telah jatuh sebanyak 52 peratus dalam tahun 1997 setelah kenaikan 24 peratus pada 1996.

Bagaimanapun, Dr Munir berkata BSKL beransur-ansur pulih dan permodalan pasaran telah meningkat kepada kira-kira AS\$126 bilion hingga AS\$130 bilion pada masa ini.

Tetapi walaupun terdapat krisis itu, katanya tidak terdapat sebarang kemungkiran daripada segi penjelasan.

Merujuk kepada langkah-langkah untuk meningkatkan keyakinan pelabur, katanya langkah-langkah akan terus dibuat untuk mengesahkan kemudahan melampau dan meningkatkan prosedur pendedahan dan ketelusan di kalangan syarikat-syarikat disenarai.

Dr Munir juga berkata undang-undang berkaitan dengan urusan niaga dalam akan dipinda supaya meliputi mereka, yang tidak bekerja di dalam syarikat atau organisasi, tetapi mempergunakan maklumat dalam untuk mengurus niaga untuk kepentingan diri sendiri. -- BERNAMA

SHY MR OS